

09/09/1998

Keyakinan terhadap ekonomi meningkat

Ebi Azly Abdullah

BEBERAPA langkah bagi mengawal mata wang yang diumumkan oleh kerajaan minggu lalu berjaya menarik semula keyakinan terhadap ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Langkah itu terbukti berkesan apabila minat yang meningkat dalam pasaran saham dan munculnya kestabilan terhadap nilai ringgit, katanya ketika sesi soal jawab selepas menyampaikan ucap tama pada Persidangan Persatuan Pentadbiran dan Pengurusan Komanwel, di Bangi, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan pertama berkata, mulai bulan depan, mereka yang memegang ringgit atau mempunyai simpanan ringgit di luar negara tidak boleh menukarkannya bagi membeli mata wang asing lain kecuali menggunakan wang itu untuk membeli aset Malaysia.

Menurutnya, langkah itu bertujuan menghalang ringgit daripada terus diserang spekulator.

"Walaupun Malaysia percaya dengan pasaran bebas dan spekulator menyalahkan kerajaan kerana pentadbiran lemah, kita tidak akan benarkan mereka menyentuh mata wang kita," katanya.

Dalam sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan akan terus mengawasi pasaran saham.

"Jika ia naik terlalu cepat, tidak perlu memberikan pinjaman modal, tetapi jika ia bergerak secara perlahan, kita akan memberi kemudahan pinjaman melalui bank," katanya.

Mengenai kebimbangan kemungkinan ringgit akan diniagakan di pasaran gelap berikutan langkah pengawalan mata wang yang menyekatnya daripada diniagakan di luar negara, beliau berkata, ia mampu dikawal.

Berhubung pandangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) minggu lalu bahawa langkah-langkah kawalan mata wang itu akan gagal, Dr Mahathir berkata: "Kita akan lihat sama ada ia gagal atau tidak."

"Mereka harap ia akan gagal, mereka akan berbuat apa saja untuk menggagalkannya. Ketika ini, banyak orang memikirkan jalan untuk cuba atau mencari jalan bagaimana mereka boleh mengecewakan Malaysia," kata Perdana Menteri.

(END)